

TAN SRI NOH SAMPAIKAN AMANAT TAHUN BAHARU KEPADА WARGA KPKT



Pada 10 Januari 2017, bertempat di Dewan Kristal, KPKT telah berlangsung Majlis Amanat Tahun Baharu YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersempena dengan Tahun Baharu 2017.

Salah satu perkara yang disentuh oleh YB Menteri dalam ucapan amanatnya adalah agar warga KPKT memberikan tumpuan yang sepenuhnya kepada tugas, kewajipan dan tanggungjawab memandangkan KPKT telah diluluskan bajet sebanyak RM5.2 bilion yang merangkumi RM3.6 bilion peruntukan Perbelanjaan Mengurus dan RM1.6 bilion Peruntukan Pembangunan. YB Menteri berharap semua ketua jabatan dan setiausaha bahagian dapat melaksanakan

perbelanjaan berhemah seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Teks ucapan penuh Amanat YB Menteri:

http://katu.kpkt.gov.my/uploads/ucapan/file_1484030935.pdf

Dalam majlis ini, YB Menteri turut menyempurnakan gimik penyerahan Sijil Pengiktiran Eksosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Tahun 2016 yang mana KPKT telah berjaya mencapai Kategori Cemerlang dalam pengauditan yang dijalankan oleh pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

YB Menteri juga menyampaikan sijil penghargaan kepada warga KPKT yang telah memenangi beberapa acara pada peringkat antarabangsa sepanjang tahun 2016, seperti yang berikut:

Anugerah	Penerima
International Elite Rescuers Exchange Workshop, Singapore-Global Firefighters and Paramedics Challenge	Pasukan STORM Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
Anugerah Emas bersempena dengan 2016 International Convention on Quality Control Circles	Warga kerja Ibu Pejabat Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Selangor
Anugerah Diamond dalam International Quality and Production Convention 2016	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Selangor

Anugerah Platinum dalam International Quality and Productivity Convention 2016	Warga kerja SWCorp Negeri Johor
--	---------------------------------

SUMBER : KPKT